Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.03

PEMILIHAN NARATIF PERISTIWA DAN WATAK MENERUSI KONSEP TAKDIR DALAM NOVEL *TAQDIR* KARYA RAHMAN HAJI YUSOF

*NORAZIMAH BINTI ZAKARIA**
Universiti Pendidikan Sultan Idris
norazimah@fbk.upsi.edu.my

MAZARUL HASAN BIN MOHAMAD HANAPI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
mazarul@fpm.upsi.edu.my

ROHAYATI BINTI JUNAIDI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
rohayati@fbk.upsi.edu.my

NOR ANITA BINTI MAT ISA
Institut Pendidikan Guru, Ipoh
noranita_ss@yahoo.com

MARDIAH MAWAR KEMBAREN
Universitas Sumatera Utara, Indonesia
mawar282@gmail.com

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis konsep takdir dalam naratif peristiwa dan watak menerusi novel *Taqdir* karya Rahman Haji Yusof. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti bagaimana elemen takdir diungkapkan sebagai medium dakwah kepada masyarakat. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis teks secara deskriptif yang bersandarkan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang, khususnya menerusi Pengkaedahan Keagamaan iaitu pendekatan dakwah. Hasil analisis mendapati bahawa pengarang menggunakan pelbagai peristiwa takdir yang merangkumi aspek usia dan ajal, pesanan kehidupan, perubahan hidup dan rezeki, perkahwinan (jodoh), serta aturan alam semesta sebagai saluran untuk berdakwah. Kesimpulannya, karya sastera ini merupakan sarana yang berkesan untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan serta mentarbiah jiwa masyarakat agar berlapang dada menerima ketentuan takdir dan membina kehidupan berlandaskan syariat Islam.

Kata Kunci: Teori Pengkaedahan Melayu; takdir; dakwah; sastera; jiwa

ISSN 1675-7513

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.03

THE SELECTION OF EVENT AND CHARACTER NARRATIVES THROUGH THE CONCEPT OF DIVINE DECREE IN THE NOVEL TAQDIR BY RAHMAN HAJI YUSOF

ABSTRACT

This study analyzes the concept of destiny (takdir) in the narrative of events and characters through the novel *Taqdir* by Rahman Haji Yusof. The main objective of this study is to examine how the element of destiny is expressed as a medium of preaching (dakwah) to the community. The research methodology employs a qualitative approach through descriptive text analysis based on the Malay Methodology Theory (Teori Pengkaedahan Melayu) by Hashim Awang, specifically utilizing the Religious Method via the preaching approach. The findings reveal that the author uses various destiny events encompassing aspects of age and death, life messages, changes in life and sustenance, marriage (soulmate), and the order of the universe as channels for preaching. In conclusion, this literary work serves as an effective medium to enhance piety and educate the community's soul to accept the decree of destiny with a willing heart, while building a life based on Islamic laws.

Keywords: Teori Pengkaedahan Melayu; divine decree; dakwah; literature; soul

PENGENALAN

Takdir ialah ketentuan Allah yang mencakupi segala yang berlaku di seluruh alam. Persoalan takdir ada kaitannya dengan pilihan yang merujuk kepada kaedah atau cara yang digunakan oleh seseorang individu itu dalam membuat keputusan sebelum menghadapi situasi takdir yang berlaku dalam hidupnya. Pendek kata, pilihan yang dibuat oleh seseorang individu tersebut adalah bertujuan untuk mencapai kata putus tentang keputusan yang dipilih. Namun begitu, dalam membuat sesuatu keputusan manusia terikat dengan peraturan, dan bagi umat Islam sudah tentulah keputusan yang dibuat terikat dengan syariat iaitu peraturan yang perlu diikuti dan dijadikan garis panduan dalam membuat sesuatu pilihan pada peringkat tekad bebas (Nor Anita Binti Mat Isa, 2019).

Allah s.w.t telah menetapkan takdir terhadap semua hamba-Nya dan takdir yang ditetapkan ini tidak boleh diubah-ubah melainkan dengan doa. Setiap umat Islam perlu yakin bahawa tiada satu pun di alam semesta ini berlaku secara tidak sengaja melainkan ada sebab-sebabnya yang tertentu. Sebagaimana yang dinyatakan dalam *Al-Quran* iaitu:

> …Allah mengatur semua urusan (makhluk-Nya)…
> (Surah *Ar-Ra'd*: 2)

Ayat di atas jelas menyebut bahawa Allah s.w.t yang menciptakan dan menentukan semua peristiwa, dan hanya Allah s.w.t jua yang tahu tentang cara atau kaedah sesuatu peristiwa itu akan bermula dan berakhir. Kesempurnaan Allah s.w.t memang tidak disangkal lagi

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.03

kerana hanya Allah yang dapat menentukan setiap pergerakan bintang-bintang di alam semesta, setiap keadaan benda hidup di bumi, tentang cara kehidupan seseorang individu, tentang apa yang seseorang itu akan alami.

Oleh yang demikian, setiap umat Islam harus sedar dan insaf akan realiti ini serta seharusnya tidak bertindak seperti orang yang menafikan keesaan Allah s.w.t. Apabila mempunyai kefahaman bahawa hidup ini adalah mengikut ketentuan takdir, maka kepercayaan kepada takdir seseorang itu sewajarnya dihubungkaitkan dengan konsep reda yang seharusnya ditanam dalam diri setiap umat Islam bagi menggambarkan kekuatan akidah dan keimanannya. Masyarakat sering beranggapan bahawa takdir buruk itu merupakan satu bentuk ujian dari Allah s.w.t, namun hakikatnya takdir baik juga merupakan ujian kerana menuntut umat-Nya untuk bersyukur (Nor Anita Binti Mat Isa, 2019).

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian dalam kajian ini menjurus kepada cabaran bagi seseorang pengarang dalam usahanya untuk menyebarkan peristiwa berkaitan takdir berasaskan prinsip dakwah kepada khalayak menerusi hasil kesusasteraan. Permasalahan ini bertitik tolak daripada pemerhatian bahawa masyarakat sering kali beranggapan hanya takdir buruk merupakan bentuk ujian daripada Allah SWT, sedangkan realitinya takdir baik juga adalah ujian yang menuntut umat Islam untuk bersyukur. Kajian ini perlu dilaksanakan kerana perbuatan menterjemahkan persoalan-persoalan hidup dan keagamaan ini menuntut pengarang agar lebih berhati-hati dalam penulisan naratifnya. Oleh itu, wujud keperluan untuk menganalisis bagaimana naratif di dalam sastera mampu mentarbiah jiwa manusia secara halus untuk mengenali dan menghayati sifat-sifat Allah SWT, seterusnya merungkai persoalan bagaimana manusia menghubungkaitkan kepercayaan kepada takdir dengan konsep reda dalam kehidupan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian Nor Anita Binti Mat Isa tentang pemahaman terhadap syariat, takdir dan alam manakala kajian Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Mohd Saipuddin Suliman adalah tentang peranan dakwah serta konsep perkahwinan. Kajian Nor Anita Binti Mat Isa (2019) ini mendapati bahawa manusia terikat dengan peraturan syariat apabila membuat keputusan sebelum menghadapi sesuatu situasi takdir pada peringkat tekad bebas. Kajiannya menyatakan bahawa takdir baik turut berfungsi sebagai ujian untuk manusia bersyukur. Dalam aspek kematian, kajian ini menggariskan bahawa setiap umat akan melalui kematian tanpa sebarang kompromi masa, lantas membuktikan manusia tidak mempunyai kuasa melawan takdir Allah SWT. Di samping itu, kajian ini menyatakan bahawa penjagaan alam amat berkait rapat dengan konsep amanah, dan menjaga keseimbangan alam adalah sebahagian daripada ibadah yang menepati takdir Allah SWT.

Manakala kajian tentang peranan dakwah dan konsep perkahwinan (Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Mohd Saipuddin Suliman, 2025). Menurut kajian ini, dakwah berfungsi sebagai usaha ahli fikir agama untuk memimpin umat manusia menjalani kehidupan yang lebih baik dengan berpandukan syariat Allah SWT. Bagi aspek jodoh pula, kajian ini menjelaskan bahawa perkahwinan dalam Islam adalah ibadah dan

sunnah, serta ia bukanlah satu kepasrahan takdir yang buta. Sebaliknya, perkahwinan merupakan usaha yang perlu diteliti melalui keserasian, agama, dan akhlak agar ia dapat membuahkan keberkatan dalam kehidupan berumah tangga.

Terdapat sarjana yang menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu seperti Tajul Arif Mohamad Yusof (2014), Johari Yahya (2002) dan Syaidul Azam Kamarudin (2011). Tajul Arif Mohamad Yusof (2014) dalam kajiannya berjudul "*Transformasi Kepimpinan Dalam Novel Singapura: Analisis Pengkaedahan Melayu.*" Kajiannya melihat novel karya penulis Singapura sebagai bahan kajian dalam menganalisis tentang bentuk kepimpinan yang dibawa oleh penulis-penulis tersebut dalam karya mereka. kajiannya telah menggarapkan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menumpukan kepada pendekatan kemasyarakatan, moral dan dakwah. Melalui pendekatan ini, kajian tersebut menemukan beberapa dapatan mengenai jenis kepimpinan yang diketengahkan oleh setiap penulis seperti kepimpinan domestik oleh Muhammad Arif Ahmad, kepimpinan politik yang disampaikan oleh Suratman Markasan, kepimpinan keagamaan oleh Mohamed Latiff Mohamed dan kepimpinan rohaniah yang dibawa oleh Isa Kamari dalam penulisannya.

Johari Yahya (2002) dalam kajiannya bertajuk *"Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu".* Kajiannya menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu dalam puisi tradisional masyarakat Melayu iaitu pantun. Dalam kajian tersebut beliau telah menggunakan pendekatan gunaan dan moral bagi mengupas secara bijaksana dan intelektual mengenai kearifan tempatan serta kemahiran dalam bidang daya cipta yang dinamik dan kreatif yang diwarisi oleh bangsa Melayu tradisional antaranya pelbagai ilmu pengetahuan yang dapat dikesan.

Manakala Syaidul Azam Kamarudin (2011) turut menjalankan kajian yang menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajiannya bertajuk *"Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Pilihan A. Aziz Deraman."* Beliau mendapati ketulenan jati diri Melayu yang dimiliki oleh A. Aziz Deraman yang terpancar melalui puisi-puisinya dapat berperanan sebagai pengiktibaran dan peringatan, penyampai nasihat, membawa kemanfaatan dan menemukan kemuafakatan kepada masyarakat berlandaskan kepada ajaran dan etika Islam yang menjadi jalinan prinsip penting dalam Pengkaedahan Melayu seterusnya mencirikan kepenyairannya yang mempunyai jati diri kemelayuan yang mantap.

Justeru, berdasarkan sorotan literatur ini dapat dilihat mesej-mesej yang baik dan positif adalah menepati ciri-ciri yang digariskan oleh Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Maka karya sastera yang membawa mesej ke arah kebaikan dan pemanfaatan kepada semua wajar diteliti dan disoroti agar dapat dimanfaatkan kepada masyarakat.

METODOLOGI

Makalah ini merupakan kajian kualitatif bersandarkan kepada analisis teks secara deskriptif. Analisis dilakukan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Melalui teori ini, hanya pengkaedahan keagamaan akan disorot melalui pendekatan dakwah. Pendekatan lain tidak akan dilihat kerana tidak sesuai dengan kajian yang akan diteliti.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.03

Pengkaedahan Keagamaan bersandarkan sepenuhnya kepada keimanan yang bersendikan akidah bersesuaian dengan kejiwaan dan kepercayaan yang utuh tentang agama Islam serta ketulenan bangsa Melayu. Pegangan utama dalam membicarakan genre sastera yang menggunakan pendekatan ini ialah *Al-Quran* dan *Hadis*. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila masyarakat membahaskan tentang manusia Melayu, pastinya sukar untuk meminggirkan tentang kepentingan agama Islam dalam kehidupan. Pembentukan teori ini bertujuan menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah s.w.t dan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya.

Pendekatan dakwah melihat genre sastera sebagai suatu wadah atau sarana untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah s.w.t. Sastera dalam maksud yang kudus mengandungi persoalan-persoalan yang memaparkan pengisahan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah s.w.t sehingga mampu mentarbiah jiwa manusia agar dapat mengenali, mencintai, dan menghayati dengan lebih dekat serta kusyuk tentang diri dan sifat Allah s.w.t. Dari sudut lain, genre sastera turut mengetengahkan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam yang mampu menimbulkan daya tarikan yang lebih besar terhadap kesucian agama tersebut terhadap golongan Muslim sendiri mahupun golongan bukan Muslim. Dalam konteks ini, dakwah merupakan suatu usaha yang dilakukan oleh seseorang ahli fikir agama untuk menyampaikan kebaikan kepada seluruh umat manusia tanpa mengira usia, kedudukan, bangsa, keturunan, dan sebagainya. Dakwah yang disampaikan bertujuan untuk memimpin manusia menjalani kehidupan ke arah yang lebih baik mengikut syariat yang ditentukan oleh Allah s.w.t. (Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Mohd Saipuddin Suliman, 2025).

ANALISIS KAJAN

Takdir Melalui Prinsip Dakwah

Dakwah berfungsi sebagai satu saluran untuk menyampaikan maklumat yang bercorak ilmu agama kepada masyarakat. Pengarang menggunakan peranannya sebagai salah satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan umat kepada Allah (s.w.t). Seruan dakwah itu sendiri turut terdapat dalam karya-karya kesusasteraan Melayu yang kaya dengan mesej-mesej yang menghubungkaitkan pencarian manusia tentang kebenaran agama Islam. Kemurnian dan kemuliaan agama Islam terserlah sebagai wahana untuk mengembangkan ajaran-ajaran Islam yang unggul dan agung.

Dakwah Tentang Usia Dan Ajal

Kematian bukanlah suatu bencana yang harus dilupakan tetapi suatu pengajaran penting kepada manusia untuk memahami erti kehidupan yang sebenar. Kematian setiap individu itu telah Allah s.w.t tetapkan sejak di Loh Mahfuz lagi. Kematian adalah sesuatu yang pasti untuk setiap umat yang bernafas di muka bumi ini kerana apabila tiba masanya, maka tercabutlah nyawa seseorang itu tanpa sesaat pun lambat atau sesaat pun cepat. Semua yang diciptakan Allah s.w.t akan melalui kematian, dan ini menunjukkan bahawa setiap umat adalah hamba Allah yang tidak mempunyai kuasa dan tidak mampu melawan takdir (Nor Anita Binti Mat Isa, 2019). Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.03

> Dan (apabila sampai ajal seseorang) datanglah "Sakaratulmaut" membawa kebenaran (yang telah dijanjikan, serta dikatakan kepada yang mengingkarinya sebelum itu): "Inilah perkara yang engkau selalu mengelak diri daripadanya!"
>
> (Surah *Qaf*: 19)

Berdasarkan terjemahan surah di atas, jelas menunjukkan bahawa kehidupan di dunia ini hanyalah sementara dan semua manusia yang hidup di dunia ini akan menemui ajal apabila tiba masanya. Walau bagaimanapun, cara seseorang menemui ajalnya itu mungkin berbeza-beza mengikut ketentuan Allah s.w.t. Penerimaan seseorang umat Islam terhadap kematian juga merupakan persoalan keimanan dan kepercayaan terhadap takdir Allah s.w.t. Oleh itu, umat Islam diseru untuk mempertingkatkan amalan supaya semua perkara yang dilakukan akan menjadi bekalan di akhirat kelak. Firman Allah s.w.t,

> Dan aku tidak menjadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadat kepada-Ku.
>
> (Surah *Adz-Dzzaariyaat*: 56)

Berdasarkan ayat di atas, dapat dijelaskan bahawa manusia hidup di dunia ini adalah semata-mata untuk beribadat kepada Allah s.w.t. Baik atau buruk amalan yang dilakukan akan menjadi perhitungan di alam akhirat. Jadi, masa yang diperuntukkan ketika hidup di dunia ini hendaklah dimanfaatkan oleh setiap individu untuk beribadat dengan penuh keimanan. Sebagaimana manusia itu diciptakan Allah s.w.t, maka falsafah hidupnya yang menepati dengan hakikat kejadian itu adalah menjadi hak Allah Maha Penciptanya. Allah berfirman bahawa:

> Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya, dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi amat Pengampun (kepada orang yang bertaubat).
>
> (Surah *Al-Mulk*: 2)

Dalam novel *Taqdir*, pengarang mengungkapkan takdir tentang kematian ini merupakan suatu bentuk dakwah yang diungkapkan dengan pelbagai cara dan bentuk kematian agar dapat dijadikan ibrah oleh khalayak. Kreativiti pengarang mengatur penceritaan ini dengan menampilkan watak-watak tertentu meninggalkan impak tersendiri kepada khalayak. Contohnya:

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.03

Jadual 1.

Peristiwa	**Petikan**	**Kesan**
Kematian Pak Mar	Pak Mar tidak bergerak-gerak lagi. Pada sujud terakhir itulah sempadan hidupnya di dunia ini… Lebih menyedihkan dia meninggalkan seorang anak gadis tanpa ayah, tanpa ibu, tanpa adik, tanpa abang (hlm: 277)	Takdir seorang anak kehilangan ayah dan terpaksa hidup bersendirian.
	Semua jiran terterkam ke rumah Halida. Masing-masing menangis perlahan-lahan menahan sebak yang tidak terhingga. Patah dahan tempat bergantung (hlm: 277)	Takdir masyarakat kehilangan pemimpin yang mempunyai pengaruh dan impian bersama bagi mengubah nasib hidup.
Kematian Halida	Apabila Halida tidak menyahut penggilannya, Uzir memeluk tubuh isterinya. Mencium pipi Halida dengan penuh kasih sayang. Halida sudah tiada lagi. (Hlm: 309)	Takdir Uzir telah kehilangan isterinya.
Kehilangan anak dalam kandungan (anak Halida dan Uzir)	Mereka hendak menyelamatkan bayi yang dilahirkan. Namun, apabila mereka mendapati tidak ada bayi di samping Halida, mereka tertanya-tanya ke mana perginya anak yang dilahirkan Halida? Pelbagai sangkaan dikeluarkan… anak itu dibawa pergi oleh bunian. Semuanya itu ketentuan Ilahi. Kun Fa yakun, kata Imam Mahat (Hlm: 310)	Takdir Uzir kehilangan anak yang dikandung Halida (hilang secara mistik)

Berdakwah Melalui Berpesan (Takdir menjadi pemimpin)

Pesan berpesan ini berlaku apabila Pak Mar akhirnya ditakdirkan pergi meninggalkan pengikutnya (kematian). Sebelumnya, Pak Mar menasihati pengikutnya agar menjaga diri dengan keimanan yang sempurna dan menjaga pekerti yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana pekerti yang baik akan membentuk jiwa dan keperibadian seorang manusia yang baik serta berbudi pekerti tinggi. Dalam budaya pemikiran masyarakat Melayu, gabungan antara keimanan dan budi pekerti yang baik mampu melahirkan manusia berakhlak mulia yang sentiasa berpegang kepada kebenaran dan kebaikan. Oleh

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.03

sebab itu, Pak Mar mengingatkan pengikutnya agar mendahulukan kerja agama yang diperintahkan oleh Allah s.w.t sebelum melakukan urusan dunia. Contohnya:

Jadual 2.

	Petikan	**Kesan**
Berpesan	Hidup kita haruslah berguna, kata Pak Mar. Kalau tidak menjadi sepohon kayu rendang, jangan pula menjadi tunggul yang menghalang (Hlm: 271)	Takdir sekiranya ada yang menjadi pemimpin. Nasihat untuk pengikutnya supaya menjadi manusia yang baik.
	Aku akan pergi pada bila-bila masa, katanya. Pada bahu anak-anakku, aku pindahkan tugas yang sedang kupikul sekarang. Pikullah tugas yang mencabar ini apabila sampai masanya nanti. Jangan diangan-angankan kekayaan, tetapi kebahagiaan hidup beragama perlu dicari (Hlm: 272)	Takdir sebagai pemimpin perlulah mementingkan agama dan tidak menganganken kekayaan.

Berdakwah Melalui Takdir Perubahan Hidup Dan Rezeki

Allah s.w.t memberikan rezeki kepada seluruh mahkluk-Nya tanpa kecuali. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak ada satu pun makhluk yang hidup di alam semesta ini, kecuali rezekinya ditentukan oleh Allah s.wt. Allah s.w.t menguji hamba-Nya dengan tidak mengabulkan apa-apa yang diusahakan dengan segera melainkan dengan tujuan untuk melihat sejauh mana tahap kesabaran seseorang individu itu menghadapi ujian tersebut. Hal ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud:

> Apakah manusia itu mengira bahwa mereka dibiarkan saja mengatakan,"Kami telah beriman", sedangkan mereka tidak diuji? Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta."
>
> (Surah *Al-Ankabut*: 2-3)

Oleh itu, jika ditimpa musibah sewajarnya seseorang itu berusaha untuk mengubah takdirnya yang malang itu. Berusaha mengubah nasib diri merupakan kewajipan yang dituntut dalam Islam.

Setiap manusia haruslah berusaha mengubah kehidupannya ke arah yang lebih baik, tidak sekadar menunggu rezeki daripada Allah s.w.t dengan berpangku tangan sahaja. Individu yang bekerja keras akan memperoleh banyak manfaat seperti yang dijanjikan Allah s.wt. Antaranya ialah mendatangkan pahala bagi individu yang berusaha mengubah

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.03

nasib dirinya kerana perbuatan tersebut merupakan ibadah kepada Allah s.w.t. Selain itu, individu yang berusaha akan memperoleh kesejahteraan dan mewujudkan cita-cita atau tujuan hidup. Contohnya:

Jadual 3.

Watak	**Petikan**	**Perubahan Rezeki Hidup**
Abdullah	Abdullah yang dikurnia bintang kebesaran daripada Raja Pemerintah. Abdullah kini bergelar Datuk (Hlm: 362)	Takdir Abdullah berubah selepas dia melepaskan jawatan sebagai penolong pegawai daerah kerana perbezaan ideologi politik akhirnya diangkat menjadi pegawai daerah, menerima anugerah Datuk dan CEO koperasi yang ditubuhkan di Kembangwangi.
Uzir	Setelah lelaki itu diberi seberkas kunci rumah, Datuk Abdullah mendakapnya dengan penuh mesra. Disaksikan oleh para peserta yang kebanyakannya datang dari Marapura. Mereka bertepuk tangan. Uzir terharu. Air matanya bercucuran (Hlm: 397).	Takdir Uzir menjadi waras semula setelah melalui liku hidup yang sukar, takdirnya kembali ke pangkuan anak-anak dan sahabatnya Abdullah setelah gagal menjalani hidup dengan baik di kampung Marapura.

Berdakwah Melalui Takdir Perkahwinan (Jodoh)

Dalam Islam, takdir atau qada' dan qadar merupakan ketetapan Allah SWT yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia, termasuk jodoh dan perkahwinan. Walaupun segala sesuatu telah ditetapkan oleh Allah, manusia tetap diberi ruang untuk berusaha dan membuat pilihan. Perkahwinan bukan sekadar ketetapan takdir yang pasrah, tetapi satu usaha yang harus dilakukan secara bijaksana dengan mengambil kira akhlak, agama, dan keserasian pasangan. Islam menekankan bahawa dalam mencari pasangan hidup, seseorang perlu berdoa, berikhtiar, serta menggunakan pertimbangan hati dan akal agar perkahwinan itu membawa keberkatan dan ketenangan jiwa (sakinah).

Dalam konteks ini, perkahwinan dianggap sebagai satu bentuk ibadah dan sunnah Rasulullah SAW yang bukan sahaja memenuhi fitrah manusia, tetapi juga membina kehidupan yang lebih bermakna. Walaupun jodoh telah ditetapkan, ia tidak menghalang usaha memperbaiki diri dan mengenali pasangan secara halal sebelum bernikah. Takdir menetapkan siapa yang akan menjadi pasangan kita, namun usaha dan doa menentukan bagaimana perkahwinan itu dapat membawa rahmat, mawaddah, dan rahmah. Oleh itu, Islam mengajarkan bahawa dalam hal perkahwinan, manusia harus yakin pada ketetapan Allah sambil terus berusaha menjadikan kehidupan berumah tangga sebagai ladang pahala dan ketenangan (Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Mohd Saipuddin Suliman, 2025). Contohnya:

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.03

Jadual 4

Watak	**Petikan**	**Peristiwa**
Uzir	Tetapi Uzir masih bersemangat. Semangat itu semakin kental sesudah enam bulan beristerikan Halida. Luka hatinya sembuh. Ingatan kepada Hasnah sudah semakin sirna. (Hlm: 301)	Takdir dikahwinkan oleh orang kampung kerana ingin mengangkat Uzir sebagai pengganti Pak Mar dan menjadi suami kepada Halida yang telah menjadi yatim piatu.
Abdullah	Dia berkahwin dengan isterinya dua hari sebelum bertukar ke daerah itu. Perkahwinan itu bukan atas dasarr cinta sebelum kahwin… tetapi atas simpati dan kemanusiaan (Hlm: 223)	Takdir berkahwin kerana kasihan dan membantu seorang bekas isteri kawannya yang hidup susah bersama dua orang anak di bandar.
Hasnah	Dia tidak menyangka kawan sendiri sanggup berdiri di atas keruntuhan rumah tangganya. Sanggup merampas Hasnah ketika dia sedang terlambung-lambung oleh ombak derita. Tercungap-cungap mencari tempat bergantung (Hlm: 249).	Takdir berkahwin dengan Abdullah sahabat bekas suaminya yang sentiasa membantunya ketika kesusahan setelah ditinggalkan suami tanpa khabar berita dan terpaksa menyara anak-anak bersendirian.
Halida	Tanpa diminta persetujuan Uzir dan Halida, keputusannya Uzir dan Halida akan dinikahkan. (Hlm: 297)	Takdir berkahwin dengan Uzir kerana telah menjadi yatim piatu. Halida juga pernah bermimpi berkahwin dengan Uzir. Batin Keri juga pernah melihat Halida dan Uzir berkahwin semasa dia di Kota Angin.

Berdakwah melalui Takdir Aturan Alam

Di samping itu, ketentuan takdir juga bergantung kepada tuah atau nasib yang dapat memberikan manfaat berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di sesuatu kawasan tempat tinggal. Jika berlakunya sesuatu kejadian buruk ketika mendiami sesebuah kawasan, masyarakat tidak teragak-agak untuk berpindah ke tempat lain bagi mengelakkan kecelakaan.

Dalam Islam, konsep takdir bukan hanya terhad kepada urusan manusia seperti jodoh dan rezeki, tetapi juga merangkumi keseimbangan alam semesta. Allah SWT telah menetapkan setiap makhluk dan fenomena alam dengan penuh hikmah dan peraturan yang tersendiri, seperti disebut dalam Surah Al-Qamar ayat 49: *"Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut ukuran (takdir)"*.

Ayat ini menekankan bahawa seluruh makhluk dan alam semesta diciptakan sesuai dengan ketetapan, ukuran, dan takdir yang sudah ada dalam ilmu dan kehendak-Nya. Hal

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.03

ini juga menjadi dasar kebenaran takdir Allah dalam Islam. Ini menunjukkan bahawa segala kejadian di bumi seperti hujan, tumbuh-tumbuhan, binatang, dan perubahan cuaca berlaku dengan aturan yang sempurna. Manusia sebagai khalifah di bumi bertanggungjawab memelihara dan menjaga alam, bukan merosakkannya, kerana menjaga alam merupakan satu bentuk ibadah dan penghormatan kepada ketetapan Allah.

Selain itu, penjagaan alam dalam Islam juga berkait rapat dengan konsep amanah. Walaupun takdir Allah telah menetapkan keseimbangan alam, manusia diberi tanggungjawab moral untuk menghormati dan memelihara ekosistem. Kerosakan alam akibat sikap tamak dan zalim manusia bukanlah takdir yang tidak boleh dielakkan, tetapi berpunca daripada kegagalan mematuhi prinsip syariah yang menuntut keseimbangan dan larangan melakukan kerosakan. Oleh itu, menjaga alam adalah bentuk ibadah yang menyedarkan manusia tentang peranan mereka sebagai pemakmur bumi, selaras dengan takdir dan ketetapan Allah SWT (Nor Anita Binti Mat Isa, 2019). Contohnya:

Jadual 5

Peristiwa	**Petikan**	**Kesan**
Banjir besar	Kejadian di Purapurawan, walaupun hampir memusnahkan kehidupan dan harta penduduk sepanjang sungai, tetapi mereka tetap tabah menghadapinya. Semua itu ujian Allah (Hlm: 317)	Takdir banjir besar dianggap sebagai rahmat kepada penduduk kampung kerana mendapat perhatian daripada Pegawai daerah, Yang Berhormat (YB).
Pertemuan di hutan yang terjaga habitatnya	Dia teringat akan seorang lelaki berusia lebih 50-an yang diangkat menjadi ketua dalam 25 keluarga itu… Doakan pakcik dan rakan-rakan tidak dihalau dari sini. Pakcik dambakan ketenangan sebelum mati. (Hlm: 313)	Takdir menemukan Batin Keri dengan Pak Mar, Uzir, Abdullah di kampung Marapura. Takdir juga menemukan Pak Mar dengan Liza (wartawan) sehingga mengubah pandangan mereka tentang Purapurawan.

KESIMPULAN

Dalam menyebarkan peristiwa takdir berdasarkan prinsip dakwah menerusi hasil kesusasteraan bukanlah sesuatu perkara yang mudah kepada khalayak khususnya dalam karya. Pengarang sebaik mungkin menggunakan saluran sastera sebagai wahana untuk mengupaskan peristiwa-peristiwa yang mengandungi unsur takdir dengan tujuan untuk menyampaikan dakwah kepada khalayak. Masyarakat diajak membina kehidupan pada landasan agama yang diterima Allah.

Takdir yang berlaku dalam setiap naratif novel *Taqdir* adalah bertujuan menyebarkan dakwah secara halus dengan mengajak manusia supaya lebih mengenali dan menghayati sifat-sifat terpuji yang ada pada Allah s.w.t.

Mengungkapkan persoalan-persoalan berkaitan hidup dan keagamaan menuntut seseorang pengarang itu untuk lebih berhati-hati dalam penulisan naratifnya. Persoalan-

persoalan hidup dan keagamaan yang dibangkitkan oleh pengarang secara jujur dalam novel ini adalah dengan niat yang murni iaitu ingin melihat kehidupan masyarakat dapat dibina ke arah landasan yang diredai Allah s.w.t dan menerima ketentuan takdir itu dengan berlapang dada.

RUJUKAN

Azean Idruwani Idrus, Iffah Sakinah Othman. 2022. Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Filem Mat Kilau Menerusi Dakwah. *Jurnal Bahasa dan Linguistik.*

Buhari, N., Hassan, N. A., Abd Aziz, N. N., & Saedin, M. S. 2022. "Manifestasi Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu" in *International Journal of Law, Government and Communication,* 7 (28), 192-208.

Che Abdullah Che Ya. 2018. Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu, dlm *Prosiding Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu* BAYU 2018, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Chong Ah Fok. 2006. *Kajian Novel-novel Terpilih Brunei dari Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Tesis Sarjana, Universiti Brunei Darussalam.

Jamian, M. N., Hasanudin, M. I. W., & Torodji, A. S. 2023. Imej Isteri Misali dalam Hikayat Melayu-Islam: Penerapan Metode Dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu. *Akademika*, 93(1), 237-250.

Johari, Hadijah; Mohd Shaker, Nor Shahida; Mohd, Farra Humairah. 2020. Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2 (4), 1-11.

Johari Yahya. 2002. *Pantun Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Norazimah Zakaria. 2018. Komplikasi Neurosis Watak Utama Melalui Pendekatan Psikoanalisis dalam Novel Gadis Tasik. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*. 2 (7), 119-131.

Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. 2022. Konflik Diri dan Citra Wanita dalam Teks Sulalatus Salatin@ Sejarah Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 4 (1), 410-418. Asian Scholar Network

Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Mohd Saipuddin Suliman. 2025. Pemikiran Dakwah melalui Pertembungan Konflik Jiwa Watak dalam Novel *Terumbu Kasih* Karya Muhd Mansur Abdullah. *Al-'Abqari*. 32 (1).

Nor Anita Binti Mat Isa & Norazimah Zakaria. 2018. Mythology in *Sulalatus Salatin:* a Moral Responsibility in Fulfulling the King's Vision. *International Journal of Malay-Nusantara Studies*, 1(1).

Nor Anita Binti Mat Isa. 2019. Konsep Takdir Dalam Sastera Sejarah Melalui Peranan Pengarang Istana Berdasarkan Kerangka Model KHAS. PhD. Tesis yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim.

Noor Sarah Abu Kassim & Norazimah Zakaria. 2020. Citra Dakwah Dalam Lirik Puisi Endoi. *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS*,31, 89-111

Rahman Haji Yusof. 2022. *Taqdir.* Kuala Lumpur: Dewan Persuratan Melayu Pahang.

Syaidul Azam Kamarudin. 2011. *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Pilihan A.Aziz Deraman.* Selangor; Universiti Putra Malaysia.

Tajul Arif Mohamad Yusof. 2014. *Transformasi Kepimpinan Dalam Novel Singapura: Analisis Pengkaedahan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Biodata Penulis:

Prof. Madya Dr. Norazimah binti Zakaria ialah pensyarah kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak. Bidang kepakaran beliau ialah prosa moden, karya agung, sastera lisan dan penulisan kreatif.

Prof. Madya Dr. Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi ialah pensyarah kanan di Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak. Bidang kepakaran beliau ialah Pendidikan sekolah rendah dan Bahasa Melayu.

Dr. Rohayati binti Junaidi ialah pensyarah kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak. Bidang kepakaran beliau ialah sastera kanak-kanak dan sastera moden.

Dr. Nor Anita binti Mat Isa ialah pensyarah kanan di Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh. Bidang kepakaran beliau ialah Pendidikan dan sastera Melayu tradisional.

Dr. Mardiah Mawar Kembaren merupakan pensyarah di Universitas Sumatera Utara Indonesia. Bidang kepakaran beliau ialah karya agung dan sastera Melayu tradisional.